

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI
(MQT)**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

**DARIPADA : YB FAHMI FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN :

YB Fahmi Fadzil [Lembah Pantai] minta Perdana Menteri menyatakan:

- a) apakah pendirian Kerajaan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI);
- b) adakah ia akan diperkenalkan semula dan jika ya, adakah dalam bentuk yang sama atau ada pembaharuan yang akan diperkenalkan.

**JAWAPAN: YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
PERDANA MENTERI**

SOALAN: 1

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat mulai tahun 2010. Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan *cohort* murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan Bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

SOALAN: 1

2. Di bawah dasar MBMMBI, *Dual Language Programme* (DLP) pula telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Ini tidak bermakna satu sekolah menggunakan dua bahasa. Yang memilih Bahasa Inggeris akan guna bahasa itu dan pilihan bahasa Melayu juga demikian. Yang menggunakan Bahasa Melayu tidak akan faham jika soalan dibuat dalam Bahasa Inggeris dan sebaliknya.

SOALAN: 1

3. Berkenaan pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengkaji secara terperinci pelaksanaan semula dasar ini dengan menyediakan sistem baharu yang mengguna pengajaran melalui IT, iaitu pengajaran yang direkod oleh guru yang terbaik yang akan diguna di semua sekolah, supaya kecekapan guru yang terbaik dapat dinikmati oleh semua murid dan penuntut. Dengan cara ini, semua penuntut akan capai hasil yang hampir sama.

4. Pihak Kementerian Pendidikan juga mengambil kira kepentingan penguasaan pengajaran dan

SOALAN: 1

pembelajaran dalam Bahasa Inggeris kerana Inggeris sudah jadi bahasa antarabangsa dan diperlukan untuk pengurusan dan perusahaan. Penguasaan Bahasa Inggeris diambil kira dalam peluang bekerja.

5. Tidak seperti pelajaran Geografi dan Sejarah, ilmu sains bertambah sepanjang masa hasil kaji selidik pakar yang biasanya dibuat dalam bukan Bahasa Melayu. Untuk menguasai ilmu yang baharu, kegunaan Bahasa Inggeris menjadi penting. Terjemahan kepada Bahasa Melayu tidak dapat dibuat melainkan oleh mereka yang pakar dalam bahasa sains Melayu dan Inggeris dan faham ilmu baru yang hendak dialih bahasa.

SOALAN: 1

Sebaliknya, jika seseorang fasih dalam bahasa sains Inggeris, ia dapat akses secara langsung kepada ilmu yang baharu.

Sekian, terima kasih.